


# MAKLUMAT PESAKIT

## Ubat Untuk Merawat Penyakit Jantung

*Warfarin*



**Medicine To Treat: Cardiac Diseases**

*Warfarin*

## **APAKAH KEGUNAAN WARFARIN?**

Warfarin ialah ubat anti penggumpal darah, adakalanya ia digelar bahan pencair darah. Walau bagaimanapun ia tidak mencairkan ataupun melarutkan darah yang telah beku. Ia menghalang pembentukan gumpalan darah beku serta gumpalan darah beku yang telah wujud daripada menjadi lebih besar dengan membenarkan proses semulajadi tubuh badan melarutkan gumpalan-gumpalan darah tersebut. Warfarin membantu dalam merawat atau mencegah pembentukan gumpalan darah beku pada pembuluh darah, salurnadi, paru-paru ataupun jantung.

Adalah wajar untuk anda mendapat penjelasan doktor atau ahli farmasi mengenai sebab musabab anda memerlukan ubat ini untuk menghalang darah anda daripada menggumpal dengan mudah dan jangkamasa yang diperlukan dengan penggunaan ubat ini untuk diri anda.

Terdapat beberapa jenis jenama “warfarin” di pasaran (misalnya Marevan®, Coumadin®). Jangan menukar jenama kerana kemungkinan mereka mempunyai corak keberkesanan yang berbeza.

## **BAGAIMANAKAH SAYA HARUS MENGAMBIL UBAT INI?**

Telan warfarin dengan seteguk air. Ikut arahan pada label preskripsi. Setiap dos ubat ini perlu dimakan pada masa yang sama, sekali dalam sehari. Adalah wajar ubat ini diambil dengan kaedah yang sama samada sebelum atau sesudah makan.

## **APAKAH YANG SEHARUSNYA SAYA LAKUKAN SEKIRANYA SAYA TERTINGGAL SATU DOS?**

Pastikan jangan tertinggal sebarang dos. **Seandainya anda tertinggal satu dos, anda perlu mengambil ubat anda secepat mungkin dalam masa 8 jam pada waktu yang anda selalu mengambilnya.** Sekiranya keadaan ini telah melebihi 8 jam, jangan mengambil ubat ini pada hari itu. Teruskan pengambilan ubat ini pada hari kesokan pada masa yang sama. **Jangan menggandakan pengambilan** ubat ini atau turut serta pengambilan dua dos pada hari yang sama melainkan arahan doktor kerana ini boleh menyebabkan pendarahan yang berlebihan.

***Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak***

Sila catatkan bilangan setiap kali yang anda terlupa mengambil ubat ini dan beritahu doktor anda berkenaan perkara ini pada temujanji yang berikutnya.

Jangan memulakan atau berhenti mengambil apa-apa ubat tanpa merujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda kerana beberapa jenis ubat (seperti aspirin, beberapa antibiotik) mungkin mempunyai tindakbalas terhadap warfarin.

### **APAKAH KESAN SAMPINGAN UBAT INI?**

Kesan sampingan yang serius akibat dos yang berlebihan bagi ubat ini termasuk:

- Darah dalam air kencing, air kencing yang keruh atau warnanya yang gelap.
- Najis yang berwarna hitam serta melekit.
- Darah haid yang berlebihan.
- Lebam atau pendarahan yang berlebihan di bahagian gusi, hidung dan ketika batuk serta bintik-bintik merah di bahagian kulit.

Beritahu doktor anda secepat mungkin sekiranya anda mengesan salah satu daripada kesan sampingan tersebut.

### **APAKAH LANGKAH BERJAGA-JAGA YANG HARUS SAYA AMBIL?**

Jumpa doktor anda untuk memeriksa darah anda. Ujian darah yang kerap adalah perlu pada mulanya untuk memastikan sukatan(dos) yang sesuai untuk anda. Semasa anda mengambil warfarin, bawalah kad atau buku pengenalan dengan nama anda, nama ubat yang anda ambil, dosnya, nama dan nombor telefon doktor anda atau orang harus dihubungi jika berlaku kecemasan. Sekiranya anda mengambil warfarin buat jangk masa yang panjang, anda harus mendapatkan kad Medic Awas. Ini akan memberi amaran kepada ahli kesihatan bahawa anda sedang mengambil warfarin, terutama sekali pada waktu kecemasan.

*Buang kesemua ubat yang telah lama atau tidak diperlukan lagi*

## **APAKAH MAKANAN/UBAT YANG HARUS DI ELAKKAN?**

Makan makanan yang seimbang semasa anda mengambil warfarin. Elakkan dari membuat perubahan yang ketara terhadap pemakanan anda (seperti menjadi seorang yang hanya memakan sayur-sayuran) tanpa merujuk terlebih dahulu kepada doktor atau ahli farmasi anda.

Elakkan daripada pemakanan produk-produk kacang soya (misalnya tauhu) yang berlebihan secara tiba-tiba, “green tea” dan sayuran seperti brokoli, bayam, “brussel-sprouts”, bunga kobis dan kacang “chickpeas”.

Elakkan daripada meminum arak yang berlebihan. Adalah dinasihatkan agar jangan minum lebih daripada 5 tin arak (beer) atau lebih dari 1 botol wain setiap minggu.

Elakkan pemakan ubat traditional (seperti gingko) kerana tindakbalas terhadap warfarin tidak dapat diduga.

## **ADAKAH SAYA PERLU MEMBUAT PERUBAHAN UTAMA KEPADA CARA HIDUP SAYA?**

Tidak. Walau bagaimanapun anda harus berhati-hati apabila menggunakan pisau cukur atau lain-lain barang yang tajam. Elakkan daripada memasuki sukan jenis lasak atau lain-lain aktiviti yang boleh menyebabkan kecederaan. Jika berlaku kecederaan, tekan luka tersebut dengan masa yang lebih lama untuk menahan darah dari terus mengalir.

## **BAGAIMANAKAH SAYA HARUS MENYIMPAN UBAT SAYA ?**

Anda harus menyimpannya dalam sebuah bekas yang ketat dan kalis-cahaya pada suhu biasa. Lindungi ubat itu daripada terkena cahaya.



Printed in 2002